

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1976**

=====

**UKURAN BAGI PEMBERIAN MILIK
PERTAMA TANAH KERAJAAN**

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pemungut-Pemungut Hasil Tanah berkaitan dengan lantikan Juruukur Berlesen untuk tujuan mengukur tanah selepas pemberian milik telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Adalah diperkatakan bahawa telah menjadi amalan bagi Pemungut meminta pemohon-pemohon tanah Kerajaan melantik seorang Juruukur Berlesen bagi tindakan di perenggan 1 atas.

3. Ukuran Pemberian Milik Pertama adalah tanggungjawab Pejabat Ukur dan seseorang Juruukur Berlesen yang bercadang hendak menyelenggarakan kerja ukur seumpama ini hendaklah membuat permohonannya melalui Pejabat Ukur Selangor kepada Ketua Pengarah Ukur, Semenanjung Malaysia untuk mendapatkan kebenaran.

4. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan bahawa amalan untuk meminta pemohon-pemohon tanah Kerajaan yang berjaya melantik seorang Juruukur Berlesen untuk mengukur tanah yang telah diberimilik hendaklah diberhentikan. Pemungut bolehlah menyampaikan Permohonan Ukur bagi tanah tersebut ke Pejabat Ukur untuk tindakan selanjutnya selepas pembayaran ukur telah dikutip mengikut Seksyen 81 (c) Kanun Tanah Negara.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL 32 PT (18)

KUALA LUMPUR
9HB JANUARI 1976